

05/08/2001

Kibaran 15 juta Jalur Gemilang suntik semangat cintakan negara

KUALA LUMPUR: Kibaran 15 juta bendera Jalur Gemilang seluruh negara bermula 17 Ogos ini pasti menyuntik semangat cintakan negara selain menginsafi perjuangan pemimpin terdahulu.

Justeru, saranan kerajaan supaya semua rakyat pelbagai kaum menyahut seruan itu perlu disambut baik atas dasar semangat menyayangi tanah air dan bukan kerana dipaksa.

Sejak tahun lalu lagi, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, menegaskan supaya rakyat negara ini mengibarkan Jalur Gemilang.

"Bagi memastikan kejayaan sambutan Bulan Kemerdekaan yang akan disambut bermula 17 Ogos hingga 16 September ini, setiap individu perlu memainkan fungsi mereka sebagai rakyat negara ini.

"Malah, ia bukan setakat mengibarkan Jalur Gemilang, tetapi perlu disematkan dalam jiwa masing-masing untuk mencintai tanah air," katanya kepada Berita Harian.

Justeru, beliau berkata, masyarakat hari ini sepatutnya sedar mengenai keamanan yang diperoleh selama ini serta mengambil iktibar atas perjuangan pemimpin yang membebaskan negara daripada penjajah.

Selain itu, 70 peserta Program Kembara Merdeka 2001 kini sedang merentas Semenanjung dalam 10 kenderaan pacuan empat roda Jabatan Penerangan dalam misi menyerahkan Jalur Gemilang serta risalah sambutan kemerdekaan.

Semua peserta dilepaskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dataran Putra, Putrajaya, 2 Ogos lalu.

Dalam pada itu, Abdul Kadir juga pernah berkata, Bulan Kemerdekaan yang akan disambut dua minggu lagi akan turut diisi dengan dengan kegiatan keagamaan oleh semua kaum di negara ini.

Beliau berkata, Majlis Perundangan Agama dan Majlis Agama Islam Negeri sudah menyatakan persetujuan mereka untuk melaksanakan aktiviti berbentuk keagamaan masing-masing sempena sambutan itu.

"Majlis Agama Islam Negeri bersetuju untuk mengadakan khutbah Jumaat khas serta majlis bacaan tahlil dan doa selamat pada 24 Ogos ini," katanya.

(END)